

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN KUALITI JABATAN LAUT MALAYSIA
BIL 1/2012

TARIKH : 13 JULAI 2012
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA,
JABATAN LAUT WILAYAH SELATAN

SENARAI KEHADIRAN:

- | | | |
|----|-------------------------------------|---|
| 1. | Dato' Kapt Hj. Ahmad Bin Othman | Ketua Pengarah Laut
(Pengerusi) |
| 2. | En.Roslee Bin Mat Yusof | Pengarah Bahagian,
Khidmat Pengurusan |
| 3. | En.Hazman Bin Hussein | Pengarah Bahagian,
Kawalan Industri. |
| 4. | Kapt.Nazri Bin Abu Hassan | Pengarah Bahagian, Hal
Ehwal Pelaut Dan Pelabuhan |
| 5. | Tn. Hj.Ramli Bin Ahmad | Pengarah Institut Latihan
Pentadbiran & Pengurusan
Pengangkutan Laut, |
| 6. | Tn. Hj. Ahmad Khairuddin Bin Ismail | Pengarah Laut Wilayah
Tengah |
| 7. | Tn. Hj Abdul Aziz Bin Muhamud | Pengarah Laut Wilayah Utara |
| 8. | Kapt.Jailani Bin Jalal | Pengarah Laut Wilayah
Selatan |
| 9. | Tn.Hj Wan Endok Bin Wan Salleh | Pengarah Laut Wilayah
Timur |

- | | | |
|-----|--|--|
| 10. | En.Rosnan Bin Fathal | Pengarah Laut,
Sabah. |
| 11. | Pn.Norisal Binti Sali | Wakil Pengarah Laut,
Wilayah Sarawak |
| 12. | En.Abdul Aziz Bin Abd Majid | Wakil Pengarah Laut,
Wilayah Persekutuan Labuan
& Laut China Selatan. |
| 13. | En.Khairuddin Bin Abas | Timb. Wakil Pengurusan Kualiti |
| 14. | Md Bandron Bin Ismail | Unit Pendaftaran Kapal,
Bahagian Kawalan Industri |
| 15. | Kapt.Sukhbir Singh | Unit Pembangunan Pelaut,
Bahagian Hal Ehwal Pelaut
Dan Pelabuhan |
| 16. | En. Idris Anutullah | Unit Bantuan Pelayaran,
Bahagian Keselamatan
Pelayaran |
| 17. | Kapt. Rosli Bin Ahmad | Unit Hidrografi,
Bahagian Keselamatan
Pelayaran |
| 18. | Tn. Hj Majid Bin Abdul Rais | Jabatan Laut Wilayah Selatan |
| 19. | Mohd Hisham Bin Rubani | Wakil Unit Peperiksaan &
Perakuan, Bahagian Hal Ehwal
Pelaut & Pelabuhan |
| 20. | Kapt. Hj. Abdul Samad bin Shaik
Osman | Unit Pengurusan Keselamatan
Kapal, Bahagian Kawalan
Industri. |

- | | | |
|-----|------------------------------|--|
| 21. | Cik Hafizah Binti Meor Osman | Wakil Unit Pelabuhan & Barter Trade, Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan |
| 22. | En.Yusnan Bin Abdul Rani | Urusetia |
| 23. | Pn.Norhayati Binti Ibrahim | Urusetia |

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.
- 1.2 Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa kursus kesedaran 5S akan diadakan di Institut Latihan Pentadbiran dan Pengurusan Pengangkutan Laut (ILPPPL) pada 16 Julai dan menjemput semua warga Ibu Pejabat Laut untuk menghadiri kursus tersebut.
- 1.3 Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa Jabatan dalam proses kearah untuk mendapatkan persijilan 5S.
- 1.4 Dari segi sekuriti ICT, Tuan Pengerusi memberi peringatan kepada semua yang hadir untuk *log out* semua komputer riba dan *desktop* apabila keluar untuk memastikan tiada berlaku pencerobohan maklumat bagi menjaga semua maklumat kerajaan.

2. PENERIMAAN AGENDA MESYUARAT.

- 2.1 Ahli-ahli mesyuarat mengambil maklum berkenaan dengan agenda mesyuarat dan dokumen mesyuarat yang telah diedarkan. Seterusnya mesyuarat bersetuju untuk menerima agenda mesyuarat yang dicadangkan.

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 1/2011

- 3.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Jabatan Laut Malaysia Bil 1/2011 yang telah diadakan pada 21 April 2011 juga

disahkan dengan pindaan di muka surat 2 untuk senarai kehadiran

3.1.1 Hj Aziz Bin Muhamud – Jabatan Laut Sabah

Hj Wan Endok Bin Wan Salleh- Jabatan Laut Wilayah Sarawak

4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 4.1 Maklumbalas yang diterima dari bahagian HEPP - masih mempratikkan kaedah menyimpan stok minimum dan dalam proses mendapatkan stok dari pembekal. Stok agak lambat diterima kerana Jabatan perlu menggunakan khidmat dari Percetakan Nasional. Sistem SDPX di pejabat Pelabuhan Port Dickson mula beroperasi April 2010.

Tindakan: Makluman

- 4.2 Maklumbalas dari bahagian HEPP - Latihan system SDPX secara berterusan masih dilaksanakan kepada agen dan juga kakitangan Jabatan Laut Malaysia. Antara lokasi yang telah dijalankan ialah Sibu, Miri, Kuching dan Bintulu manakala bagi kakitangan Jabatan Laut, kursus SDPx telah dijalankan di Jabatan Laut Wilayah Selatan.

Tindakan: Makluman

- 4.3 Maklumbalas yang diterima dari bahagian HEPP - Modul bagi sijil kursus modular di dalam sistem SDPX telah selesai dibangunkan, walaubagaimanapun ia masih tidak dapat digunakan kerana kontrak penyelenggaraan SDPX telah tamat tempoh. Dalam proses menunggu kelulusan Kementerian Kewangan untuk kontrak penyelenggaraan yang baru.

Tindakan: Pengarah Bahagian HEPP

- 4.4 Maklumbalas yang diterima dari bahagian BKP - Cadangan pindaan proses kerja akan ditukar untuk melaksanakan kerja ukur hidrografi dengan kontraktor untuk semua peringkat kerja. Cadangan pindaan telah dikemukakan kepada pihak urusetia dan

dalam proses semakan kedua. Dijangka deraf pindaan akan dapat dikemukakan untuk kelulusan pada akhir Julai 2012.

Tindakan : Urusetia

5. LAPORAN AUDIT KUALITI DALAMAN

5.1 Mesyuarat dimaklumkan audit kualiti dalaman telah dilaksanakan di 5 lokasi iaitu IPL (Persijilan Pelaut, Pemaliman, Pendaftaran Kapal), Jabatan laut Wilayah Tengah (Port Klang, Melaka, Port Dickson), Jabatan laut Wilayah Utara (Pulau Pinang & Lumut), Jabatan Laut Sabah (Sandakan & Tawau), dan Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor Bharu, Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang).

5.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa semua ketakuran telah ditutup dan audit kualiti dalaman bagi lokasi selanjutnya akan dijalankan pada bulan Ogos tahun ini.

Tindakan : Urusetia

5.3 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Kursus Ketua Juruaudit akan dilaksanakan selepas Hari Raya selama seminggu. Ini bagi menampung kekurangan Ketua Juruaudit.

Tindakan : Urusetia

5.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat ketakuran minor yang di bangkitkan di beberapa lokasi pejabat laut. Ini adalah berkaitan dengan tempoh pemprosesan Perakuan Pengiktirafan (COR) mengambil masa selama satu (1) hari yang masih belum dipinda proses kerjanya. Pindaan proses kerja COR ini telah dipinda oleh pemilik proses dan telah dimajukan kepada urusetia untuk tindakan kelulusan. Dalam semakan kedua deraf pindaan oleh Urusetia. Dijangka deraf pindaan akan dikemukakan untuk kelulusan pada akhir bulan Julai 2012.

Tindakan : Urusetia

6.0 LAPORAN AUDIT KUALITI LUARAN

- 6.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa audit kualiti luaran (Surveillance SV4 dan 5 akan diadakan pada 23 – 25 Julai 2012 di Jabatan Laut Wilayah Sabah (Sandakan dan Kota Kinabalu), Wilayah Tengah, (Port Klang, Port Dickson, Sg. Udang, Melaka) IPL (Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan, Unit Pendaftaran Kapal, Unit Hydrografi).

**Tindakan: Pengarah BHEPP, Pengarah Jab.
Laut Sabah dan Pengarah Jab.
Wilayah Tengah**

- 6.2 Dimaklumkan bahawa terdapat 2 ketakuran minor. 2 Ketakuran adalah seperti berikut:-

- i. CKF01- Pejabat Laut Sibu tidak mendapatkan maklumbalas daripada dua (2) pusat latihan (Pelita MasLaut Sdn.Bhd dan Sastra Maritime Sdn.Bhd). Tindakan telah diambil oleh Pejabat Laut Sibu dan telah dimaklumkan kepada LRQA.

Tindakan: Makluman

- ii. CKF02- Tindakan Pembetulan bagi Laporan audit kualiti dalaman tidak ditutup mengikut jangkamasa yang ditetapkan.
 - Pihak Urusetia telah mengambil tindakan sebanyak 2 kali bagi mengatasi masalah tersebut iaitu telah nyatakan dalam surat perlantikan juruaudit bahawa sebarang ketakakuran hendaklah ditutup dalam tempoh 2 minggu.
 - Seterusnya Urusetia telah membuat pindaan kepada borang laporan ketakakuran dimana diadakan kolum yang menyatakan persetujuan diantara auditor dan auditee tempoh ketakakuran akan ditutup.
 - Mesyuarat telah memutuskan bahawa sebarang ketakakuran yang tidak ditutup dalam tempoh yang dipersetujui hendaklah dimaklumkan kepada Pengarah Laut Wilayah yang berkenaan bagi memastikan ketakakuran ditutup segera.

- Pihak Urusetia juga diminta untuk memantau perjara tersebut dan memberi peringatan kepada auditee dan auditor serta disalinkan kepada Pengarah Laut Wilayah yang berkenaan.

Tindakan: Urusetia.

7.0 LAPORAN ADUAN /MAKLUMBALAS PELANGGAN

7.1 Bahagian Kawalan Industri

7.1.1 Bagi aktiviti proses pendaftaran kapal, sebanyak 34 borang maklumbalas & aduan Pelanggan telah diterima bagi tempoh Januari 2012 hingga April 2012. Secara keseluruhan analisis maklumbalas yang diterima adalah sangat memuaskan.

7.1.2 Terdapat 43 borang maklumbalas diterima bagi aktiviti ISM bagi tempoh Januari 2012 hingga April 2012. Secara keseluruhannya analisis maklumbalas yang diterima adalah sangat memuaskan.

7.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan pelabuhan

7.2.1 Sebanyak 235 borang maklumbalas telah diterima daripada Pejabat-pejabat laut bagi tempoh tempoh Januari 2012 hingga April 2012. Secara keseluruhannya analisis mendapati kepuasan pelanggan adalah pada tahap amat baik. Terdapat 6 cadangan/ maklumbalas daripada pelanggan yang diperolehi:

- Buka cawangan di kawasan bandar kerana jauh dari bandar Kuching (Pejabat Laut Muara Tebas) – telah buka kaunter di Marina Kuching.
- Mutu sistem untuk internet beroperasi perlu dipertingkatkan (Pejabat Laut Kuala Perlis) – telah lancarkan 1network.
- Perkhidmatan sentiasa tertunda kerana jauh dari bandar (Pejabat Laut Muara Tebas) – telah buka kaunter di Marina.

- iv. Perkhidmatan baik Cuma jarak yang jauh untuk berurusan (Pejabat Laut Muara Tebas) – telah buka kaunter di Marina.
- v. Meminta semua Pejabat Laut mempunyai senarai terbaru panel klinik di seluruh Malaysia (Pejabat Laut Sibu) – telah ada dalam laman web.
- vi. Tanda arah ke Pejabat Laut Muara Tebas tidak jelas (Pejabat Laut Muara Tebas) – telah mohon kepada pihak PBT.

Tindakan: Pengarah BHEPP

7.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran

7.3.1 Terdapat 21 maklumbalas pelanggan yang diterima bagi perkhidmatan alat bantuan pelayaran bagi tempoh Januari 2012 hingga April 2012. Secara keseluruhannya maklumbalas adalah puas hati dan amat puas hati.

Tindakan: Makluman

8.0 LAPORAN PERCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

8.1 Bahagian Kawalan Industri

8.1.1 Sistem Pendaftaran Kapal.-

Objektif kualiti pendaftaran kapal dari bulan tempoh Januari 2012 hingga April 2012 adalah tercapai. Sehingga bulan April 2012 sebanyak 64 urusan pendaftaran kapal telah dilaksanakan di empat (4) pejabat Pelabuhan daftar iaitu Port Kelang, Penang, Kuching, dan Kota Kinabalu

8.1.2 Sistem Pengurusan Persijilan Dokumen Kepatuhan Kod ISM :- tempoh Januari 2012 hingga April 2012 adalah tercapai. Sebanyak 38 buah syarikat telah di audit bagi tempoh tersebut. Kesemua mencapai Objektif kualiti yang telah ditetapkan

8.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut & dan Pelabuhan

8.2.1 Mengadakan peperiksaan sijil kecekapan laut sekurang-kurangnya 6 kali setahun bagi setiap gred. Sebanyak 115

peperiksaan bahagian dek dan 135 peperiksaan di bahagian enjin telah di adakan bagi tempoh Januari 2012 hingga April 2012n dan mencapai objektif kualiti yang ditetapkan. Ulasan menyatakan bahawa statistik bagi tahun 2012 menunjukkan lebih 6 kali dijalankan dan mencapai objektif kualiti yang disasarkan.

8.2.2 Menentukan kelayakan menduduki peperiksaan dalam masa 1 minggu dari tarikh permohonan diterima- sebanyak 335 permohonan peperiksaan bahagian dek dan 520 permohonan peperiksaan bahagian enjin telah diproses dalam tempoh yang ditetapkan bagi tempoh Januari 2012 hingga April 2012 Objektif kualiti tercapai.

8.2.3. Mengeluarkan sijil perakuan kekompetenan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima- sejumlah 1371 permohonan diterima bagi tempoh Januari 2012 hingga April 2012. Sebanyak 1167 sijil kecekapan dikeluarkan kurang daripada 14 hari. Peratus pencapaian ialah 85.12 % bagi suku tahun pertama 2012 tercapai dan sebanyak 148 tidak tercapai disebabkan oleh

- i. Suku pertama 2012 menunjukan perningkatan berbanding suku ke empat pada tahun terdahulu. Permasalahan terutamanya gangguan talian bagi sistem SDPx menyebabkan kelewatan dan ianya mempengaruhi pencapaian objektif kualiti.
- ii. Pemantauan yang dijalankan dari Ibu Pejabat Laut mendapati operator/penyelia pejabat pelabuhan telah mengemaskini tarikh penerimaan buku COC seperti yang diarahkan iaitu pada hari menerima buku COC tersebut.

Manakala sijil perakuan pengiktirafan dalam 90 dari tarikh permohonan diterima- sejumlah 2445 permohonan diterima bagi tempoh tempoh Januari 2012 hingga April 2012. Sebanyak 2367 sijil kecekapan dikeluarkan kurang 90 hari. Peratus percapaian ialah 96.81 % tercapai dan sebanyak 3.19 % tidak tercapai disebabkan oleh bagi suku tahun pertama 2012 ini adalah kerana:-

- i. Perjalanan sistem *internet* yang kadang kala terhenti (*hang*) atas sebab *system down* juga menyebabkan proses pengeluaran tergendala.
- ii. Status '*Semak Semula*' yang dikeluarkan di peringkat Pejabat Pelabuhan kepada pemohon di mana maklumbalas dari pemohon telah memakan masa. Selain itu, status '*Semak Semula*' yang dikeluarkan di Peringkat Ibu Pejabat Laut untuk perhatian Pejabat Pelabuhan seterusnya kepada pemohon juga telah memakan masa dalam proses pengeluaran COR
- iii. Status permohonan ditolak juga menyumbang kepada peningkatan tempoh pengeluaran COR iaitu permohonan yang dibuat dan disahkan tidak lengkap/palsu di peringkat Ibu Pejabat Laut kemudian dihantar ke Pejabat Pelabuhan untuk pengemaskinian, di mana data yang dikemaskini di Pejabat Pelabuhan tersebut lewat untuk diambil tindakan sehingga melebihi tempoh 90 hari.
- iv. Tempoh proses penghantaran dokumen permohonan masih terlalu bergantung kepada sistem sokongan dari sistem penghantaran melalui pos.
- v. Melalui pemantauan dari Ibu Pejabat Laut Pelabuhan Klang (IPL), didapati operator atau penyelia pejabat pelabuhan lewat mengemaskini data dalam sistem apabila menerima buku COR yang dihantar dari IPL menggunakan perkhidmatan pos.

8.2.4 Mengeluarkan sijil kursus modular dalam masa 7 hari bekerja selepas tarikh pendaftaran kursus ke dalam sistem diterima – sebanyak 5636 sijil kursus modular telah diproses. Sebanyak 5,170 sijil telah dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja bagi tempoh tersebut. Peratusan percapaian adalah 91.73%. Sebanyak 8.27 % tidak tercapai kerana:

- i. Ketidadaan pegawai untuk membuat cetakan sijil (cuti / kursus keluar daerah)
- ii. Kekurangan alat untuk cetakan (sesetengah Pejabat Pelabuhan) berkongsi komputer untuk cetakan sijil.

9.0 Hal-hal Lain.

9.1 Tuan Pengerusi maklumkan supaya pada mesyuarat akan datang, Unit Teknologi Maklumat perlu dijemput hadir kerana terdapat banyak perkara melibatkan pengurusan ICT dan juga kecekapan talian internet dan system operasi.

9.2 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa ILPPPL telah diluluskan pelaksanaan ISO9001 bagi Sistem Pengendalian Kursus pada April 2012. Pasukan audit kualiti dalaman akan melaksanakan auditan pada bulan Ogos atau September 2012.

10.0 PENUTUP.

Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir.